

# Semangat cintakan tanahair perlu dipupuk — Mahathir

UM 1 - APR 1982

**K**UALA LUMPUR 31 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini menegaskan perlunya semangat cintakan tanahair sentiasa dipupuk di kalangan rakyat bagi mengelakkan mereka menjadi bangsa yang dikuasai oleh kepentingan peribadi semata-mata yang akibatnya akan membawa kehancuran kepada negara.

Perdana Menteri berkata, sejarah serta peristiwa semasa jelas menunjukkan bahawa apabila penduduk sesebuah negara lebih mementingkan diri daripada masyarakat dan negara, kelemahan akan menimpa negara itu.

"Sebaliknya apabila rakyat mengutamakan negara, bukan sahaja negara menjadi makmur tetapi rakyat juga bahagia," katanya sewaktu merasmikan pameran 'Malaysia Kesayanganku' yang akan berlangsung selama sebulan mulai hari ini di Muzium Negara.

Beliau mengingatkan, pembangunan pesat tidak memberi makna sekiranya rakyat miskin dan tandus dari semangat dan rasa kasihkan tanahair, iaitu satu aspek dari perkembangan rohani dan satu dimensi yang termesti dalam pembangunan.

Beliau menegaskan, kerana semangat cintakan tanahairlah negara ini telah dapat dibebaskan dari belenggu penjajah.

"Ada yang berpendapat bahawa nasionalisme tidak penting, tetapi belum ada sebuah negara pun yang mencapai kemerdekaan tanpa nasionalisme," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, memang ada orang yang bersimpati dari jauh, tetapi minat mereka tidak termasuk usaha untuk membebaskan

## Untuk elak jadi bangsa dikuasai oleh kepentingan peribadi

negara atau bangsa lain dan jika ada minat sekalipun mereka tidak mampu.

"Akhirnya yang mesti menggadai nyawa dan harta-benda ialah penduduk negara berkenaan dan mereka cuma sanggup menghadapi cabaran jika mereka cintakan negara mereka," tegas beliau.

Keadaan seperti ini, katanya, nyata wujud di Afghanistan di mana sekalipun ramai yang bersimpati, cuma orang Afghanistan sahaja yang berjuang untuk merebut balik negara mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, setiap rakyat negara ini harus bersyukur dengan sebenar-benar syukur kerana lahir dan menjadi rakyat negara ini serta dapat berteduh dan mencari rezeki di negara ini.

"Seribu kali syukur, Malaysia dilimpahi dengan rahmat, nikmat dan rezeki yang tidak ada bandingnya dan sekiranya ini direnungi dengan insaf, akan timbul rasa halus yang menghargai segala yang ada pada kita di Malaysia, walau pun sedikit," katanya.

Beliau menegaskan, betapa ruginya sekiranya ada di antara rakyat yang tidak mahu atau tidak tahu mensyukuri nikmat ini

dan sebaliknya berusaha memburukkan negara sendiri dan merobohkan peradaban yang telah dibina sekian lama.

Katanya, tidak ada mana tempat pun di dunia ini yang baik seratus peratus pada pandangan rakyat, begitu juga dengan Malaysia.

Perdana Menteri selanjutnya berkata, rasa syukur dan penghargaan terhadap sesuatu kurniaan itu hendaklah ditunjuk dengan cara tidak menia-siakan atau membazirkan apa yang diterima demi kebahagiaan diri sendiri.

"Jika kita bersyukur terhadap kemerdekaan tanahair, kita hendaklah berusaha menjadikan tanahair kita sebuah negara yang kuat dan kukuh serta dihormati oleh orang lain," katanya.

Untuk tujuan itu, tegas beliau, rakyat perlulah berusaha, berkerja serta meningkatkan keupayaan bukan kerana kepentingan diri sendiri tetapi untuk tidak menjadikan negara ini rosak dan hancur lebur dalam sekejap masa.

Beliau berkata, kesanggupan berkerja dan belajar dengan tertib dan tekun bukan sahaja akan memberi manfaat kepada negara tetapi diri sendiri juga akan bahagia.

Selain itu, kata Perdana Menteri, untuk menjadi masyarakat yang bahagia, rakyat perlulah memiliki nilai-nilai kemasyarakatan yang tinggi dan kerana itulah Rukunegara digubal.

"Jika rakyat berpegang kepada Rukunegara ini, nescaya negara akan menjadi stabil dari segi politik dan pesat membangun dari segi ekonomi tanpa menjadi terlalu materialistik," katanya.